

AKTA BEKALAN GAS 1997

[AKTA 501]

ARAHAN SURUHANJAYA TENAGA BILANGAN 9 TAHUN 2024

Arahan/ST/No. 9 /2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37C Akta Bekalan Gas 1997 [*Akta 501*], Suruhanjaya mengeluarkan Arahan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Arahan ini bolehlah dinamakan Arahan Penetapan Tempoh Sah bagi Kelulusan untuk Memasang.
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Pemakaian

3. Arahan ini hendaklah terpakai kepada mana-mana orang yang telah dikeluarkan kepadanya suatu kelulusan untuk memasang oleh Suruhanjaya yang terdiri daripada—

- (a) pemunya pemasangan itu;
- (b) orang kompeten yang dilantik untuk memberi nasihat mengenai kerja pada pemasangan itu, setakat skop kerjanya; dan
- (c) Kontraktor Gas yang berdaftar dengan Suruhanjaya, yang menjalankan kerja-kerja pada pemasangan.

Pelaksanaan

4. Apa-apa kelulusan untuk memasang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya adalah sah bagi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh kelulusan untuk memasang tersebut dikeluarkan oleh Suruhanjaya.
5. Mana-mana orang yang telah dikeluarkan kepadanya suatu kelulusan untuk memasang hendaklah memohon suatu kelulusan untuk mengendali dalam tempoh tiga (3) tahun sah laku kelulusan untuk memasang sebagaimana yang disebut dalam perenggan 4.
6. Mana-mana permohonan bagi suatu kelulusan untuk mengendali yang dibuat oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 5 di luar tempoh sah laku kelulusan untuk memasang tidak akan dipertimbangkan.
7. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan baharu bagi suatu kelulusan untuk memasang selaras dengan peraturan 15 Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 [*P.U.(A)287/1997*] sekiranya suatu kelulusan untuk memasang itu telah melebihi tempoh sah sebagaimana yang disebut dalam perenggan 3.
8. Walau apapun perenggan 4 hingga 7, Suruhanjaya boleh, dalam apa-apa hal keadaan—
 - (a) membenarkan suatu permohonan bagi kelulusan untuk mengendali dibuat oleh mana-mana orang tanpa perlu membuat permohonan semula untuk suatu kelulusan untuk memasang; dan
 - (b) menerima permohonan baharu bagi suatu kelulusan untuk memasang dengan spesifikasi yang terkandung di dalam kelulusan untuk memasang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya terdahulu, dengan syarat bahawa tiada perubahan dibuat kepada spesifikasi tersebut.


Kesalahan

9. Mana-mana orang yang tidak mematuhi Arahan ini melakukan suatu kesalahan di bawah subsekyen 37C(6) Akta 501 dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan selaras dengan seksyen 31 Akta 501.

Pindaan

10. Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa mengubah, meminda dan membatalkan Arahan ini.

Tarikh 18 Disember 2024



DATO' IR. TS. ABDUL RAZIB BIN DAWOOD
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga